

## **BAB TIGA**

### **DAYAH MUDI MESRA**

#### **3.1. Sejarah Penubuhan Dayah Mudi Mesra**

Menurut data yang diperolehi, Dayah Mudi Mesra ditubuhkan pada 12 Ogos 1922 oleh Teungku Faqeh Abdul Qani. Semenjak tahun 1927, selepas Allahyarham wafat dayah tersebut diteruskan oleh para ulama secara bergantian, tetapi kesemua para ulama yang memimpin dayah tersebut tidak jelas identitinya. Oleh itu, pada tahun 1927 dayah terserbut dipimpin oleh Tgk. Hj Syahabuddin bin Idris dengan para pelajar seramai 100 orang lelaki dan 20 Orang Perempuan dan tenaga pengajar pula seramai 5 Orang lelaki dan 2 Orang perempuan, manakala bangunan tempat penampungan para pelajar terdiri daripada bilik-bilik sementara (darurat).

Setelah Tgk. Hj Syahabuddin wafat (1935) dayah tersebut dipimpin oleh adik ipar beliau iaitu Tgk. Hj Hanafiah Bin Abas (Teungku Abi) dengan jumlah para pelajar seramai 150 orang lelaki dan 50 orang perempuan dengan tenaga pengajarnya seramai 10 orang lelaki dan 5 orang perempuan serta bangunan tempat penampungan para pelajar masih menggunakan bilik sementara seperti masa Tgk. Hj. Syahabuddin Bin Idris sesuai dengan keadaan pada masa itu. Dalam masa kepemimpinan beliau, pernah di bantu oleh Tgk. M. Spekaraeh lebih kurang 2 tahun. Kerana Tgk. Hj Hanafiah berangkat ke Mekkah untuk menambah ilmu pengetahuannya. Setelah Tgk. Hj. Hanafiah wafat (1964) dayah tersebut di pimpin oleh salah seorang menantu beliau iaitu Tgk. Hj Abdul Aziz Bin M. Spekaraeh. Beliau ini adalah lulusan dari Bustanul Muhaqqiqin Darussalam Labuhan Haji Aceh Selatan (distrik).

Semenjak kepemimpinan beliaulah dayah tersebut terus bertambah pelajarnya terutama dari Aceh dan Sumatera dan di segi pembangunannya pun mula diadakan perubahan dari bilik-bilik sementara menjadi asrama permanen berlantai dua dan asrama permanen berlantai tiga. Untuk pelajar perempuan juga dibangunkan asrama berlantai dua yang dapat menampung 150 orang di lantai atas, sedangkan di lantai bawah digunakan untuk surau.

Setelah Tgk. Hj. Abdul Aziz Bin M. Spekaraeh wafat (1989) dengan hasil kesepakatan para lulusan dan masyarakat, dayah tersebut dipimpin oleh salah seorang dari pada menantu beliau, iaitu Tgk. Hj. Hasanoel Basri Bin Hj Gadeng, yang merupakan lulusan Dayah Mudi Mesra. Masa kepemimpinan beliau dayah tersebut makin bertambah ramai pelajarnya, sama ada dari dalam mahu pun dari luar propinsi Aceh, iaitu seramai 1097 orang pelajar, terdiri dari 760 pelajar lelaki dan 337 pelajar perempuan, serta dibantu oleh 100 orang guru 80 untuk pelajar lelaki dan 20 orang untuk pelajar perempuan di segi pembangunannya pun terus diadakan penambahan bahkan kini sedang menyelesaikan sebuah asrama tetap berlantai empat untuk lelaki.<sup>1</sup>

Dayah Mudi Mesra Samalanga merupakan salah satu dayah yang memiliki peranan dalam melahirkan ulama-ulama yang memimpin dayah-dayah baru sampai masa sekarang. Setelah Indonesia merdeka, perkembangan dayah mengalami kemunduran di sebabkan oleh kewujudan institusi pendidikan sekolah yang di lahirkan oleh kerajaan. Sedangkan dayah amnya bersifat peribadi dari pimpinan

---

<sup>1</sup> Seluruh maklumat mengenai Dayah Mudi Mesra di dapati dalam catatan-catatan yang belum diterbitkan yang ada di pejabat dan kakitangan Dayah Mudi Mesra dan melalui temuduga tidak berstruktur dengan pimpinan dayah, majelis guru, jawatan perhubungan awam dayah, lulusan dayah, pengurus dayah, dan tokoh-tokoh masyarakat sekitar yang penulis anggap faham mengenai kewujudan Dayah Mudi Mesra.

dayah dan swadaya masyarakat yang senang dengan dayah. Sehingga pada tahun 1968 seluruh ulama dan pimpinan dayah yang ada di Aceh menumbuhkan satu wadah yang mempersatukan seluruh dayah-dayah yang ada di Aceh itu pada tarikh 5 zulkaidah 1338 H atau tarikh 4 februari 1968 tertumbuhlah Jamiah Persatuan Dayah Insafuddin di Selimum Aceh Besar (distrik).<sup>2</sup>

Institusi pendidikan Islam Dayah Mudi Mesra hingga semasa, telah banyak menghasilkan lulusan, yang sebahagian dari mereka ada yang meneruskan pengajiannya sama ada di dalam atau pun di luar negara. Ada pula yang sudah bekerja di jabatan kerajaan, berniaga serta ada pula yang menubuhkan dayah dikampungnya sendiri. Dengan demikian bererti dayah tersebut telah menciptakan para lulusan yang bermanfaat bahagi pemerintah dan masyarakat tempatan dalam pembangunan manusia.

Pada bahagian ini, penulis hanya menjelaskan tentang prestasi dua tokoh pimpinan yang memiliki perananan yang penting dalam memperkembangkan Dayah Mudi Mesra. Beliau merupakan tokoh yang sangat terkenal dikalangan masyarakat Aceh iaitu: Allahyarham. Tgk. Hj Abdul Aziz Bin Tgk. Muhammad Spekaraeh dan Tgk. Hj.Hasanoel Basri Bin Gadeng yang telah mempercontohkan Dayah Mudi Mesra menjadi dayah tradisional yang melebihi dayah Darussalam di Labuhan Haji Aceh Selatan.

Pondok, pesantren, dayah (seterusnya disebut dayah) adalah salah satu institusi pendidikan tradisional di Indonesia yang muncul dan berkembang bersama

---

<sup>2</sup> Safwan Idris ((1995), *Perkembangan Pendidikan Pesantren/Dayah (Antara Tradisi dan Pembaharuan)*, Banda Aceh: Majelis Pendidikan Daerah Istimewa Aceh, h. 61.

masyarakat sekitarnya dipendalaman. Secara terminologis dapat dijelaskan bahwa pendidikan dayah, di lihat dari segi bentuk dan sistemnya berasal dari India. Sebelum proses penyebaran Islam di Indonesia, sistem tersebut telah pun digunakan secara am untuk pendidikan dan pengajaran agama Hindu di Jawa.<sup>3</sup>

Perkataan pesantren sendiri berasal dari akar kata pelajar dengan awalan "pe" dan akhiran "an" bererti tempat tinggal para pelajar. Profesor John<sup>4</sup> berpendapat bahawa istilah pelajar berasal dari bahasa Tamil, yang bererti guru mengaji, sedangkan CC Berg (dalam buku yang sama) berpendapat bahawa istilah tersebut berasal dari kata "shastri" yang dalam bahasa India adalah orang-orang yang tahu buku-buku suci agama Hindu atau seorang sarjana ahli kitab suci agama Hindu. Kata "shastri" sendiri berasal dari kata "shastra" yang bererti buku-buku suci, buku-buku agama atau pengetahuan.<sup>5</sup>

Bahagi mentakrifkan pesantren, kita perlu melihat dari sisi perkataannya. Kata pesantren bererti tempat yang dipakai untuk makan dan istirahat. Istilah pesantren berasal dari pengertian asrama-asrama bahagi para pelajar iaitu bermakna pelajar yang dimula dengan awalan "pe" di depan dan akhiran "an" bererti tempat tinggal para pelajar.<sup>6</sup> Maka pesantren adalah asrama tempat tinggal para pelajar. Menurut Abdurrahman Wahid,<sup>7</sup> pesantren serupa dengan akademi militer atau biara (monestory, convent) dalam erti bahawa mereka yang berada di sana mengalami suatu kondisi yang sebenar.

---

<sup>3</sup> Geertz Clifford (1989), *Abangan Pelajar, Priyayi dalam Masyarakat Jawa*, (terj.), Aswab Mahasin, Judul Asli: *The Religion of Java*, Jakarta: Pustaka Jaya, c. III, h. 551.

<sup>4</sup> Dhofier, Zamakhsyari (1982), *Tradisi Pesantren: Studi tentang Pandangan Hidup Kyai*, Institusi Penelitian, Pendidikan dan Penerangan Ekonomi dan Sosial, Jakarta: (LP3ES), h. 94

<sup>5</sup> Karel A. Steen Brink (1986), *op.cit.*, h. 37.

<sup>6</sup> Dhofier, Zamakhsyari(1985), *Tradisi Pesantren: Studi Tentang Pandangan Hidup Kyai*, Jakarta: LP3ES, h.18.

<sup>7</sup> *Ibid.*, h. 171.

Setelah Islam masuk dan tersebar di Aceh, sistem tersebut kemudian di ambil oleh Islam di seluruh Indonesia yang memberikan nama yang berbeza-beza menurut daerah masing-masing. Aceh memberi nama dengan istilah dayah, di Jawa sebut dengan langgar, di Minangkabau surau, Madura lebih dikenali dengan sebutan pondok, berasal dari kata Arab *fundūq*, yang bererti penginapan bahagi para musafir (pesanggrahan).<sup>8</sup>

Institusi pendidikan Islam yang wujud di seluruh Nusantara dikenali menurut tempat masing-masing. Di Aceh ia di kenali dengan dayah, di Sumatra Barat di kenali dengan surau dan di Jawa pesantren.<sup>9</sup> Pesantren di Jawa memiliki beragam bentuknya yang berbeza-beza. Perbezaan ini dapat di lihat dari segi ilmu yang diajarkan, jumlah pelajar, pola kepimpinan dan pola perkembangannya. Tetapi terdapat unsur-unsur utama yang harus dimiliki setiap dayah.<sup>10</sup> Unsur-unsur utama dayah, iaitu tok guru (teungku) masjid, pelajar, dayah dan kitab Islam klasik (kitab kuning) yang merupakan elemen unik yang membezakan sistem pendidikan dayah dengan institusi pendidikan lainnya.

Dayah pada asasnya adalah sebuah asrama pendidikan Islam tradisional di mana pelajar tinggal bersama dan belajar ilmu-ilmu keagamaan di bawah bimbingan seseorang atau beberapa guru yang lebih dikenali dengan sebutan kyai di Jawa dan di Aceh teungku<sup>11</sup>. Tempat tinggal pelajar berada di dalam lingkungan dayah tempat

---

<sup>8</sup> Karel A. Steen Brink (1986), *Pondok Madrasah, sekolah, Pendidikan Islam dalam kurun Modernisasi*, Jakarta: LP3 ES, h. 84.

<sup>9</sup> Az.Azyumardi Prof. Dr (2001), *Pendidikan Islam: Tradisi dan Modernisasi Menuju Milenium Baru*, Jakarta: Penerbit Kalimah, h. 170.

<sup>10</sup> Hasyim, H. Farid (1998), *Visi Pondok Pesantren Dalam Pengembangan SDM: Studi Kasus di Pondok Pesantren Mahasiswa Al-Hikam, UMM: Tesis Program Pasca Sarjana*, h. 39.

<sup>11</sup> Teungku adalah Panggilan terhormat bagi pelajar-pelajar kepada guru pengajar di dayah yang berasal dari istilah daerah Aceh, di Jawa di panggil dengan istilah: kiyai dalam bahasa Jawa perkataan kiyai di pakai untuk tiga jenis iaitu kepada guru pengajar di pesantren (pimpinan ), orang tua pada

tinggal teungku. Disamping itu terdapat fasilitas ibadah berupa masjid. Lazimnya sesebuah dayah, faktor persekitarannya dikelilingi dengan pagar untuk mengawal pelajar yang ingin keluar dan masuk. Dari aspek kepemimpinan dayah, teungku adalah pengendali kuasa penuh terhadap dayah.<sup>12</sup>

Dalam khazanah pendidikan tradisional di Aceh hanya zawiyah yang digunakan masyarakat Aceh menjadi nama institusi pendidikan yang bernama dayah. Menurut Hakim Nyak Pha dalam makalah apresiasi terhadap tradisi dayah; suatu kajian mengenai tatakruma kehidupan dayah yang disampaikan dalam apresiasi dayah, bahawa perbezaan dayah dengan pesantren adalah pesantren menerima kelas bahagi anak-anak sedangkan dayah hanya menerima orang dewasa sahaja iaitu dengan syarat sudah mampu membaca *al-Qur'ān* dan menulis bahasa Arab.<sup>13</sup>

Dayah, masjid, pelajar, kyai dan pengajaran kitab-kitab klasik merupakan lima elemen utama yang dapat menjelaskan secara sederhana mengenai hakikat dayah.<sup>14</sup> Masyarakat pelajar merupakan salah satu kelompok yang sangat dominan. Kepercayaan, sikap-sikap dan nilai-nilai masyarakat dayah, terutama cara saling mempengaruhi masyarakat luar dayah dan dayah merupakan pilihan ideal,<sup>15</sup> yang menjadikan kebudayaan dayah agak berbeza daripada masyarakat Indonesia pada amnya dan umat Islam yang lebih meluas. Oleh yang demikian, menurut

---

amnya dan kepada orang ahli Agama Islam sebagai tittle pengormatan, kepada barang-barang yang di anggap keramat seperti Garuda Kencana, kereta emas yang ada di Kraton Yokyakarta. Lihat: Dhofier, Zamakhsyari (1982), *Tradisi Pesantren Studi tentang Pandangan Hidup Kiyai*, Institusi Penelitian, Pendidikan dan Penerangan Ekonomi dan Sosial, Jakarta: (LP3ES), h. 94.

<sup>12</sup> Hasbullah, Drs (1999), *Sejarah Pendidikan Islam di Indonesia: Lintas Sejarah Pertumbuhan dan Perkembangan*, T.T.P, h. 24-27.

<sup>13</sup> Safwan Idris (1995), *Perkembangan Pendidikan Pesanter/Dayah Antara Tradisi dan Pembaharuan*, Banda Aceh: h. 61.

<sup>14</sup> *Ibid.*, h. 138.

<sup>15</sup> Wahid, Abdurrahman (2001), *Menggerakkan Tradisi: esai-esai pesantren*, Yogyakarta: LKIS, h. 2-3.

Abdurrahman Wahid, kebudayaan dayah boleh disebutkan sebagai bahagian budaya (subkultur). Memang dalam sejarah perkembangan Islam di Aceh melalui pendidikan dayah telah pun menjadi sejarah dalam memperbesarkan peradaban pelajar dan pengaruhnya terhadap kehidupan keagamaan, sosial dan ekonomi di Indonesia.<sup>16</sup>

### **3. 2. Tujuan Penubuhan Dayah Mudi Mesra**

Sebagai sebuah institusi yang sangat dihormati oleh masyarakat Aceh, kerana dayah dibangun atas dasar kepercayaan masyarakat untuk membinakan akhlak dan budi bahasa yang baik. Pada asasnya tujuan penubuhan dayah adalah sebagai pusat informasi dalam menyampaikan dakwah ke seluruh pulusuk kampung melalui pendidikan agama yang diajarkan di dayah. Tujuan Penubuhan Dayah Mudi Mesra bukanlah mengejar kepentingan kekuasaan, wang dan keagungan duniawi, tetapi semata-mata kewajipan dan pengabdian kepada Tuhan.<sup>17</sup> Sedangkan cita-cita pendidikan dayah adalah sebagai latihan untuk berdikari dan membina diri agar tidak bergantung kepada orang lain kecuali kepada Tuhan.<sup>18</sup>

Bahan pelajaran di dalam dayah terdiri daripada teologi dan tasawuf serta dua pelajaran yang utama. Kehidupan di dayah adalah bersepadu di antara kaedah Islam yang diamalkan di kelas dan di lakukan secara langsung mengikut sikap dan pola hidup teungku dengan diperhatikan langsung oleh teungku. Ketaatan terhadap teungku tidak hanya kerana struktur turun-temurun (*feodal*) yang dibangunkan namun bahkan ianya hampir bersifat mistik.

---

<sup>16</sup> Benda, Harry J (1958), *The Crescent and the Rising Sun*, The Hague and Bandung: Van Houve, h. 14.

(terj.), Bahasa Inggrs, "The history of Indonesian Islam is, then, the history of this expanding civilization and its impact upon the religious, social and economic life of Indonesia."

<sup>17</sup> (Dhofier (1994), *op.cit.*, h. 179.

<sup>18</sup> *Ibid.*, h. 198.

Berbagai maklumat yang berkembang menunjukkan bahawa pendidikan dayah tetap memandangkan pendidikan sebagai sarana untuk memperkembangkan ilmu-ilmu keagamaan Islam secara ikhlas bahagi memperoleh keredaan daripada Allah (*li al-mārdāṭillāh*). Terbukti, mereka yang lulusan dayah mempunyai mentaliti perjuangan yang sangat kukuh dan tangguh.<sup>19</sup> Ditengah himpitan krisis multidimensional, lulusan dayah mampu menghadapi segala cabaran, kerana mereka telah di ajar oleh para teungku secara optimis.

Dalam kaitan inilah, Ridhwan Nashir telah menganalisis pendidikan dayah sebagai model pendidikan masa hadapan. Dayah pula telah memenuhi tujuan pendidikan. Ia sebagaimana disyorkan oleh Omar Muhammad al-Toumy al-Syaibani dalam *Falsafat al-Tarbiyah al-Islamiyah* (1979) mencakupi tiga perkara iaitu tujuan individu, tujuan sosial, dan tujuan profesional. Dalam tujuan individual, dayah telah membina jati diri yang bebas dan mandiri (independen) dan peribadi yang kukuh. Sedangkan dalam tujuan sosial, dayah telah memberi pengetahuan untuk pelajar bergerak aktif dalam membina sebuah masyarakat secara amnya yang tinggal di kawasan pendalaman. Majoriti aktiviti sosial dikampung dilakukan pelajar secara sukarela, gotong- royong, dan ikhlas, sehingga timbul mentaliti masyarakat yang saling membantu, mengasihi dan menyayangi. Pelajar mampu menempatkan posisinya secara profesional, tidak hanya mengharapkan kepada orang lain dan tidak kalah dengan model pendidikan yang lain.

Beberapa perkara tersebut di atas sepatutnya dijadikan contoh oleh pendidikan am sekarang, sehingga selesai persekolahan masyarakat tidak perlu bersusah payah

---

<sup>19</sup> H. M. Ridhwan Nashir, Prf. Dr. MA (2005), *Pesantrean Sebagai Tipologi Pendidikan Idea*, Yogyakarta: Pustaka Pelajar, h. 143.



mencarai pekerjaan di jabatan kerajaan. Walaubagaimanapun penulis mengharapkan dayah melakukan perubahan dari segi luaran dan dalaman serta menjadi rujukan masyarakat dalam belajar ilmu agama. Walaubagaimanapun dayah konsisten mempertahankan tradisi lama yang baik, tetapi membuat perubahan pada tradisi baru agar menjadi lebih baik (*al-muḥāfaḍah ‘alā al-qadīmi al-ṣāliḥ wa al-akhḍu bi al-jadīd al-aṣlah*).

Sebagai institusi pendidikan, Dayah Mudi Mesra sangat berperanan dalam pengembangan agama dan umat Islam, kerana pengajaran Islam sangat mendorong dan menghargai orang yang mencari ilmu. Ini jelas di sebut dalam firman Allah:

يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ

Ertinya:

Allah meninggikan orang-orang yang beriman di antara kamu dan orang-orang yang di beri ilmu pengetahuan, beberapa derajat.

Terjemahan surah al-Mujādalah (53): 11.

Dengan ayat ini, kewujudan Dayah Mudi Mesra juga dapat berperanan untuk mendidik dan mengajar perempuan-perempuan Islam:

1. Berbudi bahasa tinggi
2. Menguasai bahasa *al-Qur’ān* (bahasa Arab) dan bahasa Inggris
3. Takwawlah – takut kepada Allah

4. Menegakkan agama Allah dan menyampaikan ajaran Islam kepada masyarakat, mengajar atau paling tidak menjadi contoh yang baik bagi masyarakat.<sup>20</sup>

Kehidupan manusia perempuan mengalami nasib yang kurang beruntung, di mana mereka di anggap sebagai makhluk yang selalu harus tunduk, patuh dan bergantung pada kaum lelaki. Dalam realiti kehidupan sehari-hari, perempuan sering menjadi kuli daripada suaminya, baik mengenai masalah nafsu seksual mahupun tempat kemarahannya. Perlakuan yang tidak adil terhadap perempuan mendapat reaksi keras daripada Rasulullah S'.A.W. Beliau menentang pelbagai bentuk diskriminasi terhadap perempuan dengan mengangkat harkat dan martabat iaitu sebagai makhluk yang harus dihormati, dilindungi dan disayangi. Hal ini terlihat dari ucapan Rasulullah S'.A.W. bahwa "surga itu berada di bawah telapak kaki ibu".<sup>21</sup>

Pada masa sekarang ini persoalan perempuan juga belum selesai, walaupun para perempuan sekarang mulai berkiprah dalam pelbagai aktiviti sosial, ekonomi, politik, keagamaan dan dakwah, namun tindakan diskriminasi terhadap perempuan masih tetap ada dalam masyarakat. Dalam masalah ini penulis hanya melihat perempuan dalam pelaksanaan dakwah sahaja. Pelaksanaan dakwah *amr al-ma'ruf nahi munkar* merupakan tugas bersama-sama yang harus dilakukan oleh setia muslim. Menurut Jumaah Amin Abdul Aziz yang berujuk kepada *al-Qur'ān* surah Ali-'Imran ayat 104 beliau mengataka mengatakan bahwa pelaksanaan dakwah merupakan kewjipan yang harus dijalankan oleh umat Islam.<sup>22</sup> Dalam kaitan ini pula M. Natsir

---

<sup>20</sup> K. H. Aslam (1989), *Perinstitusian Dayah Mudi Mesra Samalanga*, T.T.P. h. 17.

<sup>21</sup> Abu Al-Hasan Ali Al-Nadwi (1988), *Ma Dza Khasir al- Ālam bi In-hithat al -Muslimin*, (terj.) M. Ruslan Shiddieq, Jakarta: Pustaka Jayah. 95.

<sup>22</sup> Jum'ah Amin Abdul Aziz ((1997), *Fiqih Da'wah*, (terj.). Abdussalam Maskur, Solo: Intermedia, h.

mengatakan secara lebih tegas bahawa dakwah dalam erti yang am adalah kewajipan yang harus dipikul oleh setiap muslim dan muslimah.<sup>23</sup>

Oleh kerana demikian Dayah Mudi Mesra menganggap bahawa pelaksanaan dakwah merupakan tanggungjawab umat Islam, sama ada lelaki mahupun perempuan. Walaubagaimanapun peranan dan tanggungjawab lelaki lebih besar daripada perempuan terhadap pelaksanaan dakwah dan aktiviti-aktiviti.

### **3.3. Hubungan Dayah Mudi Mesra Dengan Dakwah**

Antara dayah dengan aktiviti dakwah merupakan suatu kemestian yang tidak boleh dipisahkan. Pada dasarnya setiap dayah memiliki rasa tanggungjawab terhadap masahadapan dakwah. Dakwah merupakan suatu misi yang dipertanggungjawabkan dan mesti direalisasikan sama ada oleh dayah sebagai institusi pendidikan atau melalui pelbagai aktiviti. Oleh yang demikian, hubungan antara dayah dengan dakwah bagaikan dua sisi mata wang yang menyatu. Hilangnya salah satu di antara sisi wang tersebut, menjadi hilangnya nilai wang dan akibatnya tidak dapat difungsikan sebagai alat pertukaran.<sup>24</sup>

Aktiviti dakwah dilaksanakan oleh manusia sebagai makhluk cerdas yang mampu mengendalikan dirinya dalam melaksanakan aktiviti sehari-hari. Tetapi kadang kala mereka saling memerlukan bantuan dan pengarahannya daripada manusia lain. Berhubung dengan itu, dayah merupakan tempat merubah keperibadian para pelajar

---

<sup>23</sup> M. Natsir (1989), *Fiqhud Dakwah*, c. VI. Jakarta: Media Dakwa, h. 110.

dan mempersiapkan diri mereka dalam mencapai matlamatnya.<sup>25</sup>

Potensi-potensi yang dimiliki dayah merupakan anugerah daripada Allah S.W.T. termasuk fitrah agama Islam dan naluri kehidupan (rasa, nafsu dan akal) para pelajarnya, yang perkembangan jiwanya ditentukan oleh persekitaran (fizikal atau pun bukan fizikal). Seperti kawasan di mana mereka tinggal, siapa yang membesarkan, juga dipersekitaran mana dan oleh siapa mereka di ajar. Berkaitan dengan itu Rasulullah S.'A.W. bersabda; yang ertinya: Daripada Abu Hurairah ra. beliau berkatanya: Bersabda Rasulullah S.'A.W. tiap-tiap anak dilahirkan dalam keadaan putih bersih, maka kedua ibu bapanya yang me-Yahudikan atau me-Nasranikan atau me-Majusikan (H.R. Muslim).<sup>26</sup>

كُلُّ مَوْلُودٍ يُوَلَّدُ عَلَى الْفِطْرَةِ فَأَبَوَاهُ يُهَوِّدَانِهِ أَوْ يَنْصَرَانِهِ  
أَوْ يُمَجِّسَانِهِ. (رواه مسلم)

Ertinya:

Tiap-tiap anak yang dilahirkan dalam keadaan putih bersih, maka kedua ibu bapanya yang me-Yahudikan atau me-Nasranikan atau me-Majusikannya. (H. R Muslim)

Dayah sejak masa awal ditubuhkan hingga sekarang, banyak berperanan dan menentukan corak perkembangan potensi anak didiknya. Namun setelah mereka matang, maka mereka mampu menunjukkan sikap berdikari dan dapat menentukan bentuk dan cita-citanya sendiri. Meskipun demikian, hasil pendidikan dayah pada peringkat awal sangat ditentukan oleh pengajaran berikutnya sehingga wujud

---

<sup>25</sup> Muhammad A. al- Bureey (t.t), *Administrative Develoment: an-Islamic Perspeticive*. Ahmad Nasir Budiman (terj.), c. 1. Jakarta: CV. Rajawali, h, 106.

<sup>26</sup> R.A. Razak, H. Rais Lathif (1980), *Terjemahan Hadits Shahih Muslim*, j. 3. Jakarta: Pustaka al-Husna, h. 236.

kematangan berfikir, bersikap dan berperilaku sebagai cerminan daripada keperibadian lulusan dayah. Pada masa perkembangan itulah (perkembangan awal hingga pada masa dewasa) nilai-nilai dasar harus tertanam pada diri pelajar.

Sebagai insan yang beriman dan berilmu, lulusan dayah selalu dituntut agar memanfaatkan potensi-potensi yang dimilikinya untuk mencari kebenaran yang hakiki. Menurut perspektif Islam, mencari kebenaran, berarti berusaha memperoleh fakta dan bukti-bukti terhadap pelbagai fenomena yang berlaku dan menghubungkan dengan nilai-nilai yang diajarkan oleh *al-Qur'ān*. Apabila fenomena tersebut telah bersesuaian dengan sumber ukuran nilai yang mutlak (*al-Qur'ān*), maka dia mesti mengamalkan untuk dirinya sendiri dan dianjurkan untuk disampaikan kepada orang lain. Demikian juga apabila terdapat sebarang kesulitan, dia mesti mengatasinya serta menegah orang lain untuk melakukannya.

Selanjutnya lulusan dayah dapat disebut sebagai seorang cendekiawan yang sepatutnya memfungsikan akal fikirannya untuk menghormati dan mengambil pelajaran daripada proses kehidupan manusia, kemudian dapat dijadikan asas atau ukuran dalam menjalankan tugasnya iaitu saling tolong menolong sesama manusia. Kebenaran yang diperolehi itu tidak semata-mata diperuntukkan bagi dirinya sahaja, tetapi yang lebih penting lagi demi kebaikan umat manusia. Dengan jalan ini, kebenaran dapat wujud dan manusia dapat mengenal mana yang hak dan mana yang batil. Dengan demikian, kewujudan manusia sebagai makhluk mulia dan pemegang amanah sebagai khalifah Allah dapat diwujudkan dan tidak jatuh ke darjah yang lebih rendah seperti firman Allah:

وَالَّتَيْنِ وَالزَّيْتُونَ ﴿١﴾ وَطُورِ سِينِينَ ﴿٢﴾ وَهَذَا الْبَلَدِ الْأَمِينِ ﴿٣﴾ لَقَدْ  
 خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ ﴿٤﴾ ثُمَّ رَدَدْنَاهُ أَسْفَلَ سَافِلِينَ ﴿٥﴾

Ertinya :

Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik- baiknya (dan berkelengkapan sesuai dengan keadaannya). Kemudian (jika ia panjang umur sehingga tua atau menyalahgunakan kelengkapan itu), Kami kembalikan dia serendah-rendah peringkat orang yang rendah.

Terjemahan surah al-Tin (95): 1-5

Ibrahim El-Khouly mengungkapkan, bahawa manusia itu adalah makhluk yang mempunyai kesedaran, perasaan dan akal fikiran. Panca indranya akan menuntut ianya untuk mengetahui fakta-fakta dan bukti-bukti agar manusia dapat sampai kepada kebenaran yang hakiki dan kemudian manusia akan mencapai kepada bentuk yang sebaik-baiknya sebagaimana telah diciptakan oleh Allah S.W.T. Tetapi tidak menggunakan akal dan fikirannya untuk mencapai darjah yang terhormat itu, ia benar sebagai manusia, tetapi pada masa yang sama manusia adalah sebagai manusia yang sehina-hinanya, kerana manusia mengkhianati keunikan penciptaannya dan menolak kemuliaan yang Allah berikan kepadanya.

Salah satu kelebihan lulusan dayah dan manusia pada amnya berbanding dengan makhluk-makhluk lain ialah para lulusan dayah mempunyai akal yang lebih sihat di samping nafsu dan iman. Dengan kelebihan akal itulah kekhalifahannya diakui oleh makhluk-makhluk lain, kecuali iblis seperti yang dinyatakan Allah S.W.T. sebagai makhluk sombong dan selalu ingkar atas firman-Nya. Ingat ketika Nabi Adam AS. dibaiat oleh Allah untuk dijadikan khalifah di bumi, maka ada yang protes (tidak setuju atas kekhalifahannya), tetapi berkat akal yang diberikan Allah kepada Nabi

Adam akhirnya ia berhasil menunjukkan kelebihanannya dalam menjawab segala persoalan yang ditujukan kepadanya.

Kehebatan Nabi Adam AS. itu diwarisi juga oleh anak cucunya seperti keinginan yang mendorong akalanya untuk menguasai alam dan memanfaatkan untuk kepentingan dirinya dan orang lain. Sedangkan iman mendorong akalanya untuk mencari kebenaran, sementara kebenaran yang hakiki itu adalah milik Allah dan dinyatakan dalam garis-garis ketentuan-Nya. Oleh yang demikian, dalam mencari kebenaran dayah harus berlandaskan petunjuk-petunjuk Ilahi dan Sunnah Rasul, kemudian mengaplikasikannya dalam kehidupan sehari-hari. Sebagai mana Sabda Rasulullah:

تَرَكْتُ فِيكُمْ أَمْرَيْنِ لَنْ تَضِلُّوا مَا إِن تَمَسَّكْتُم بِهِمَا كِتَابُ اللَّهِ وَ  
سُنَّتِي.  
(رواه مسلم)

Ertinya :

Kutinggalkan kepadamu (umat Islam) dua pusaka, apabila kamu berpegang kepadanya, niscaya tidaklah kamu akan tersesat selamanya, iaitu al-Qur'ān dan sunnahku (H.R. Muslim).

*Al-Qur'ān* merupakan kalam Allah yang bersifat universal dan menyeluruh. Kemudian diperjelaskan oleh Rasulullah melalui ucapan, perbuatan, sikap dan taqrirnya. Kebenaran *al-Qur'ān* tidak diragukan oleh pencari kebenaran dan termasuk melalui pelbagai pencapaian sains dan teknologi.

Di dalam *al-Qur'ān* terdapat banyak petunjuk tentang kehidupan, konsep keilmuan

dan teknologi, bahkan pelbagai jalan yang mendorong manusia untuk mengetahui dan meneliti peristiwa-peristiwa alam dan gejala-gejalanya yang tidak diketahui dan bahkan belum pernah terjadi. Sebab itulah *al-Qur'ān* dapat dijadikan sebagai pedoman hidup, sumber inspirasi dan motivasi, serta landasan nilai ilmiah bahagi setiap aspek kehidupan di dunia khususnya dan umat manusia umumnya. Hanya mereka yang beriman dan bertaqwa sahaja yang dapat memanfaatkan petunjuk dan mengambil rahsia yang terkandung di dalam *al-Qur'ān* selanjutnya mampu mencapai hakikat kebenaran secara sempurna. Dengan demikian bererti di dunia, adalah kelompok orang-orang yang beriman kepada yang ghaib, mendirikan solat dan selalu membelanjakan harta kekayaannya di jalan yang benar dan diredhai Allah S.W.T:

Sehubungan itu Allah S.W.T. mengisyaratkan di dalam firman Allah:

الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِالْغَيْبِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنْفِقُونَ

Ertinya:

Iaitu orang-orang yang beriman kepada perkara-pekerja yang ghaib, dan mendirikan (mengerjakan) sembahyang serta membelanjakan (mendermakan) sebahagian daripada rezki yang kami berikan kepada mereka.

Terjemahan surah al-Baqarah (2): 3.

Ukuran ketaqwaan seseorang tidak hanya dilihat daripada segi dalaman (*bāṭiniyah*), melainkan juga segi luaran (*ẓahiriyyah*) yang tampak nyata melalui amalan sehari-hari. Serendah-rendahnya taqwa seseorang adalah menjauhi syirik dan setinggi-tingginya taqwa adalah menjauhi segala larangan Allah dan mengerjakan segala



perintah-Nya dengan tulus ikhlas. Mengimani yang ghaib bererti membenarkan adanya sesuatu di luar jangkauan panca indera dengan keyakinan yang teguh dan berdasarkan dalil yang nyata. Sedangkan mendirikan solat bererti memelihara waktu-waktunya dan mengerjakan dengan sebaik-baiknya, dengan cukup rukun, syarat dan adabnya. Solat yang didirikan dengan benar, ialah solat yang disertai keikhlasan dan percaya terhadap kebenaran Allah di dalam rukuk dan sujud, serta nilai-nilai solat itu membekas dalam dirinya. Begitu tinggi nilai kebenaran *al-Qur'ān*, sehingga tidak ada sesuatu apa pun dan sesiapa yang dapat menandinginya. Sebagaimana yang difirmankan Allah:

وَإِنْ كُنْتُمْ فِي رَيْبٍ مِّمَّا نَزَّلْنَا عَلَىٰ عَبْدِنَا فَأْتُوا بِسُورَةٍ مِّثْلِهِ وَادْعُوا  
شُهَدَاءَكُمْ مِنْ دُونِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿٢٣﴾

Ertinya :

Dan kalau kamu ada menaruh syak tentang apa yang kami turunkan (*al-Qur'ān*) kepada hamba Kami (Muhammad), maka cubalah buat dan datangkanlah satu surah yang sebanding dengan *al-Qur'ān* itu, dan panggillah orang-orang yang kamu percaya boleh menolong kamu selain daripada Allah, jika betul kamu orang-orang yang benar.

Terjemahan surah al-Baqarah (2): 23.

Kemenangan Nabi Adam dalam berdialog dengan Malaikat dan dengan itu Nabi Adam AS. diakuinya sebagai khalifah di muka bumi. Hal ini tidak lain kerana Nabi Adam sebelumnya telah dibimbing oleh Allah S.W.T. dan mengajarkannya dengan pelbagai pengetahuan serta menunjukkan dan mengenalkan nama-nama benda di sekelilingnya. Seandainya pada waktu itu Nabi Adam tidak dibimbing oleh Allah S.W.T. maka sudah tentu dia tidak dapat menjawab pertanyaan-pertanyaan yang

diajukan Malaikat, dan kemungkinan besar derajat kekhalifahan gugur daripadanya, sebagaimana firman Allah:

وَعَلَّمَ آدَمَ الْأَسْمَاءَ كُلَّهَا ثُمَّ عَرَضَهُمْ عَلَى الْمَلَائِكَةِ فَقَالَ أَنْبِئُونِي بِأَسْمَاءِ هَٰؤُلَاءِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ

Ertinya :

Dan Ia telah mengajarkan Nabi Adam akan segala nama benda-benda dan gunanya, kemudian Dia tunjukkan kepada malaikat lalu Ia berfirman: Terangkanlah kepada Ku nama benda-benda ini semuanya, jika kamu golongan yang benar.

Terjemahan surah al-Baqarah (2): 31.

Nabi Adam dijadikan khalifah di muka bumi bukan sekadar dijadikan begitu sahaja, tetapi benar-benar telah dibekal dengan pelbagai potensi keilmuan dan kecekapan melalui bimbingan yang terancang. Bimbingan dan pengajaran serupa juga dilaksanakan oleh Malaikat Jibril kepada Nabi Muhammad S.'A.W. di Gua Hirak sewaktu Nabi akan diangkat menjadi Rasul. Pada masa itu, Jibril membimbing Nabi Muhammad untuk membaca dan menerangkan kenyataan kudrat Allah kepada manusia. Berkali-kali Malaikat tersebut berkata “ *iqra'*” ya Muhammad (bacalah wahai Muhammad) dan dijawab oleh Muhammad, “*Mā anā bi qārī'in*” (saya tidak dapat membaca). Kemudian, Jibril membimbing Muhammad untuk melafazkannya dengan cara menirukan sebagaimana yang tercantum dalam dalam firman Allah:

أَقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ۖ خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ ۖ أَقْرَأْ وَرَبُّكَ  
الْأَكْرَمُ ۚ الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ ۚ عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ

Ertinya :

Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhan mu yang menciptakan (sekalian makhluk), Ia menciptakan manusia daripada sebuku darah beku. Bacalah, dan Tuhanmu yang Maha Pemurah, yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan, Ia mengajar manusia apa yang tidak diketahuinya.

Terjemahan surah al-‘Alaq (96): 1-5

Bila diperhatikan ayat ini, sebenarnya ia menunjukkan bahawa setiap tamadun atau peradaban di dunia ini mesti berasaskan ilmu. Dengan kata lain, wahyu tersebut mengisyaratkan pentingnya ilmu, tetapi setiap ilmu hendaklah berpaksikan iman kepada Allah Tuhan Yang Maha Esa. Dengan jalan tersebut manusia mampu menguasai ilmu, sains dan teknologi yang mantap dan seimbang. Perkara tersebut merupakan suatu nikmat Allah yang diberikan kepada manusia dalam rangka menguasai bumi ini. Dengan kemampuan itu pula manusia terangkat menjadi makhluk yang unggul. Allah memerintahkan Muhammad untuk membaca segala sesuatu yang telah diciptakan di alam ini dan menerangkan hakikat penciptaan manusia kepada sesama manusia dengan jalan berdakwah.

Allah menciptakan manusia daripada setitis *ovum* dan sperma, kemudian menjadi segumpal darah, lalu diberi unsur kehidupan (roh). Setelah itu secara beransur-ansur meningkat menjadi calon manusia, lahir dan berkembang secara sempurna sehingga mampu menguasai makhluk-makhluk yang lainnya. Allah menganugerahkan manusia pelbagai kelebihan atau kekuatan (potensi) dan menyediakan *qalām* (ucapan) sebagai alat komunikasi untuk mengembangkan sains, ilmu dan kepandaian dan teknologi. Dengan jalan ini pula akan lahir di kalangan manusia pelbagai peradaban atau tamadun. Di sebalik itu Allah juga membangkitkan Nabi Muhammad S.’A.W. sebagai seorang yang “*umm*” (tidak dapat tulis baca), namun

baginda sanggup membaca *al-Qur'ān* dan berkuasa membimbing orang lain tanpa menggunakan pena dan kertas atau sejenisnya.

Dari pembahasan tersebut jelas bahawa sains dan penyebarannya sangat diambil kira oleh agama Islam. Sehubungan itu aktiviti dakwah sangat penting bahagi manusia untuk mencapai peringkat mulia iaitu kedudukan sebagai khalifah. Tanpa aktiviti dakwah, kemungkinan tidak akan ada manusia yang layak melaksanakan tugas khalifah di dunia ini, sebagaimana yang diharapkan oleh Allah yang Maha Pencipta dan demikian juga dayah. Allah tidak akan menjadikan Nabi Adam sebagai khalifah di muka bumi kalau seandainya tidak dipersiapkan pada saat-saat sebelumnya dan Allah tidak akan mengutus Nabi Muhammad S.'A.W. di kalangan umatnya bila tidak dibimbing terlebih dahulu, kerana hal tersebut akan sia-sia.

Berkaitan dengan apa yang telah dijelaskan di atas, pada zaman sekarang tidak mungkin terlahir lulusan dayah apabila tidak ada institusi dayah yang melaksanakan program pelatihan dan pendidikan dakwah. Institusi dayah secara terus menerus melahirkan generasi-generasi umat dalam pelbagai bidang. Merekalah pelaksana-pelaksana tugas dakwah yang dapat diharapkan sebagai penyuluh kebenaran, penyebar ilmu dan pelanjut misi suci, iaitu pewarisan Islam kepada generasi selanjutnya. Sebaliknya nilai-nilai Islam tidak akan tertanam dalam diri umat, jika sistem dakwah mengalami kemunduran, bahkan hanyut dan tersingkir daripada percaturan peradaban umat manusia apabila di dunia ini tidak ada kelompok-kelompok atau golongan-golongan yang berilmu dalam melaksanakan tugas dakwah. Kerana hanya insan berkeperibadian serta beriman yang merasa terpenggil, ikut bertanggung jawab dan mampu mewariskan nilai-nilai ajaran Islam kepada umat

manusia. Hal ini boleh berlaku dengan menterjemahkan sistem kehidupan yang Islami iaitu sistem yang sesuai dengan petunjuk Allah dan selaras dengan perkembangan kehidupan manusia.

Dari penjelasan di atas terlihat jelas bagaimana hubungan antara dayah dengan aktiviti dakwah. Hubungan tersebut bersifat timbal balik, saling mempengaruhi, saling menentukan serta keduanya saling melengkapi. Pada diri kaum dayah terlihat beberapa visi di antaranya wawasan keimanan, keilmuan dan kemanusiaan. Wawasan-wawasan tersebut dilaksanakan melalui aktiviti dakwah (baik secara langsung mahupun tidak langsung). Sedangkan ciri-ciri dakwah merupakan pancaran daripada *al-Qur'ān* dan *al-Sunnah* melalui apa yang telah diterapkan oleh para cendekiawan atau para ulama ke dalam konsep-konsep keagamaan dan perkembangan sains dan teknologi berpaksikan iman. Dengan kata lain, dakwah berusaha ke arah penjabaran visi keimanan, keilmuan dan kemanusiaan sebagai pelaksanaan daripada ajaran yang diwariskan *al-Qur'ān* dan *al-Sunnah* dengan jalan kerja keras.

Dayah tanpa memperhatikan pelapis pelaksanaan dakwah akan sangat fatal sekali kerana akan mengakibatkan putusnya tali penghubung kepada generasi berikutnya. Sebaliknya pelaksanaan dakwah tanpa organisasi tidak akan mempunyai suatu sistem yang dapat menjamin lahirnya pelapis-pelapis umat yang dapat berperanan dalam memajukan kehidupan umat manusia di masa hadapan.

### **3.4. Kepimpinan Dayah Mudi Mesra**

Seorang pemimpin yang dikukuhkan sebagai *top leader* dalam sebuah organisasi

tugas utamanya adalah mengurus, membimbing, mengawasi serta mengarahkan suatu aktiviti, maka eksistensi dan posisinya dituntut pelbagai macam kepakaran, di samping memiliki karakteristik yang diharapkan.

Begitu juga halnya dengan Dayah Mudi Mesra sebagai sebuah institusi pendidikan agama Islam dituntut mempunyai karakter-karakter khusus sebagaimana yang diharapkan dalam kepemimpinan Islam. Profil kepemimpinan Islam yang di maksud adalah susuk kepemimpinan yang telah mendapatkan pengakuan dari Allah S.W.T. iaitu Rasulullah S.A.W. yang telah berhasil menjadikan Islam sebagai satu-satunya agama di tengah kehidupan manusia dan telah menjadi fakta sejarah otentik terhadap kepemimpinannya sebagai bukti yang tak terbantahkan. Sebagaimana firman Allah :

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

Ertinya:

Dan tiadalah kami mengutus kamu, melainkan untuk (menjadi) rahmat bahagi semesta alam.

Terjemahan surat al-Anbiyā' (21): 107.

Berkaitan dengan ayat di atas, bahawa ciri-ciri kepemimpinan yang mesti dimiliki oleh seorang pimpinan Dayah Mudi Mesra adalah ciri-ciri kepemimpinan yang ditunjukkan oleh Rasulullah S.A.W. Dalam hal ini D.A. Tisna Amidjaja menjelaskan, bahawa Nabi Muhammad S.A.W. di utus oleh Allah S.W.T. menjadi rahmat bahagi semesta Alam, sebagai pembawa keselarasan, hidup dan kebahagiaan umat manusia kerana manusia memiliki peranan penting dalam kehidupan alam sebagai *kalifah Allāh fi al- ardi*.<sup>27</sup>

---

<sup>27</sup> D.A. Tisna Amidjaja (1992), *Iman Ilmu Dan Amal*, Jakarta: Rajawali Pres, c. II, h. 110.

Keagungan akhlak Rasulullah S.A.W. sebagai *top leader* telah meninggalkan banyak kenangan dalam proses kepemimpinan setakat ini. Kepemimpinan para sahabat dan ulama-ulama setelahnya, ini merupakan cerminan dari kepemimpinan Rasulullah. Dalam ajaran Islam sebuah negara, organisasi dan pelbagai macam lainnya sentiasa diperlukan seorang pemimpin yang baik dan berkualiti, yang memiliki sifat *qiyādah mukhlisah* yaitu pemimpin yang ikhlas, konsisten, jujur dalam menjalankan kepemimpinannya sesuai dengan undang-undang yang telah di buat oleh Allah dan benar-benar mengharap redha Allah S.W.T. dan *jundīyah muthi'ah* iaitu pemimpin yang taat (patuh atau tunduk kepada Allah dalam menjalankan perintahNya dan menjauhi semua laranganNya.<sup>28</sup>

Dalam masalah ini Tgk. Marzuki, S.Pdi bahawa sesiapa sahaja yang dipercayai menjadi pemimpin di Dayah Mudi Mesra, maka ianya adalah mesti taat kepada Allah, sama ada dalam melaksanakan perintahNya mahupun dalam menjauhi laranganNya. Di samping ianya berhati ikhlas, bijaksana, akhlak yang mulia, memiliki pengetahuan yang luas, memiliki kondisi fizik yang sehat, mampu berkomunikasi dengan santun dan memiliki kemampuan yang di harapkan oleh Dayah Mudi Mesra.<sup>29</sup> Adapun di antara beberapa kepemimpinan Dayah Mudi Mesra sebagai berikut:

#### **3.4.1. Tgk Abdul Aziz**

Tgk Abdul Aziz adalah lelaki dari salah seorang ulama besar di Jeunib (sub distrik) Aceh Bireuen (distrik), iaitu Tgk. Hj Muhammad Spekaraeh. Beliau dilahirkan di Jeunib (sub distrik) pada tahun 1930 di Desa Blang Me Barat. Sebagaimana lazimnya

---

<sup>28</sup> Hadari Nawawi (1993), *Kepemimpinan Menurut Islam*, Yogyakarta: Gajah Mada University Press, c. I, h. 188.

<sup>29</sup> Tgk. Marzuki, S, Pdi, Staf Pengajar Dayah Mudi Mesra, Temubual pada 22 Julai 2004.

anak lelaki ulama-ulama di Aceh, semenjak kecil beliau di ajar dengan pendidikan agama di dayah. dan masyarakat sekelilingnya menjadi saksi bahawa Tgk. Hj. Abdul Aziz pada masa kanak-kanak semenjak belajar di peringkat pendidikan dasar beliau telah menunjukkan ciri-ciri khas yang suatu saat akan menjadi seorang ulama besar di daerahnya.

Bakat yang merupakan warisan genetik dari moyangnya mempercepatkan proses pendidikan Tgk. Abdul Aziz untuk menjadi ulama besar pada 70-an. Setelah Tgk. Muhammad Spekaraeh memberi pendidikan dasar pada anak lelakinya Tgk. Abdul Aziz, kemudian beliau melepaskan anak lelakinya melanjutkan pendidikan. Pada tahun 1937 Tgk. Abdul Aziz memasuki sekolah rakyat (SR) dan menamatkan pendidikan rendahnya pada tahun 1944. Dari tahun 1944 beliau belajar dengan orang tuanya sehingga tahun 1946 dan setelah itu beliau pindah belajar ke Dayah Mudi Mesra Samalanga (sub distrik), pada tahun 1947 Tgk. Abdul Aziz berpindah lagi ke Dayah Matang Kuli (sub distrik) yang dipimpin oleh Tgk. Ben. setahun di Matang Kuli (sub distrik) Kemudian kembali lagi ke Samalanga (sub distrik) untuk belajar pada Tgk. Majid Naro dan Tgk. Peusangan.

Perpindahan Tgk. Abdul Aziz dari satu guru ke guru lain bahkan dari satu dayah ke dayah lain memberikan suatu kematangan bahagi beliau dalam berfikir yang sangat penting bahagi seseorang yang bakal menjadi ulama besar atau pemimpin dayah di masa hadapan. Akhirnya Tgk. Abdul Aziz pada tahun 1952 menamatkan pendidikannya yang terakhir di Dayah Darussalam Labuhan Hj Aceh Selatan (distrik) yang dipimpin oleh Allahyarham. Tgk. Mudawali (seorang ulama yang cukup terkenal pada masanya, disamping terdapat seorang ulama lagi pada masa itu, iaitu Tgk. Hasbi Al-Shiddiqi yang kemudian bergelar Prof. Dr. daripada IAIN



Yogyakarta.

Tgk. Abdul Aziz memperoleh pendidikan dari Tgk. H. Mudawali dari peringkat menengah sampai ke peringkat tinggi (*Muḥaqqiqin*) yang menghantar beliau ke peringkat ulama besar di Daerah Istimewa Aceh. Setelah Tgk. Abdul Aziz menyelesaikan pendidikannya di Labuhan Haji pada tahun 1959, beliau kembali ke daerahnya untuk mengenalkan dan mengembangkan ilmunya. Tidak berapa lama beliau mengajar di dayah orang tuanya, kemudian beliau berkahwin dengan seorang perempuan yang dilahirkan di kampung Mideun Jok Samalanga ( anak perempuan dari seorang ulama yang bernama Tgk. Hj Hanafiah Abbas) Pimpinan Dayah Mudi Mesra pada masa itu.

Sebenarnya sebelum dilaksanakan pernikahan antara Tgk Abdul Aziz dengan Ummi (isteri beliau) Tgk. Hanafiah Abbas. telah bahagikan Dayah Mudi Mesra kepada dua bahagian iaitu: Dayah lelaki dipimpin oleh anak lelakinya Tgk H. Nurdin yang lebih dikenal dengan Tgk. Mesir dan dayah perempuan diserahkan pada anak lelakinya Tgk. Jalaluddin. Oleh kerana Tgk Mesir sangat sibuk dengan tugasnya di IAIN Ar-Raniry Banda Aceh, maka dayah lelakinya yang berada di bawah pimpinannya diserahkan kepemimpinannya kepada iparnya yang bernama Tgk.Hj Abdul Aziz Saleh. Suatu pekara yang menjadi rekod sejarah adalah dalam kompleks dayah tersebut terdapat Masjid Po Teu Meureuhom yang dikenali sebagai pakar adat di Aceh.

Tgk. Hj Abdul Aziz Spekaraeh juga terkenal sebagai seorang fagih Asy-Syafiiyah dan ahli dalam bidang logika (*Manthiq*) keahliannya dalam bidang hukum Islam menyebabkan beliau diberi gelaran sebagai Mufti. Sebagai bukti bahawa beliau pakar

dalam qiyas (logika) hal ini diakui oleh seorang pelajar sewaktu belajar Mapekarali di Balai beton pada setiap pagi hari. Semakin susah kitab yang dikaji, maka semakin senang beliau menganalisa. Kata demi kata yang terdapat dalam kitab *Umairah* dan *Muqnni Al-Muhtaj* mampu ditelaah dan dijelaskan dengan baik kepada pelajar-pelajarnya. Kealimannya diakui oleh ulama-ulama besar lainnya yang seumur dengan beliau seperti:

1. Allahyarham. Tgk. Abdullah Tanoh Mirah.
2. Allahyarham. Tgk. Peudada.
3. Tgk. Syahbuddin Syah (Tgk. Keumala di Medan)
4. Tgk. Tumin Blang Blandeh.
5. Tgk. Abdullah Ujung Rimba (Allayarham.)
6. Tgk. Kruet Lintang (Allahyarham.) Dan ulama - ulama besar aceh lainnya.

Kepakaran seseorang tidaklah selamanya kerana belajar atau keturunan, akan tetapi juga kerana doa dari gurunya. Tgk. Abdul Aziz termasuk pelajar yang sangat disayangi oleh gurunya Tgk.Hj. Mudawali di Labuhan Haji, bahkan pernah diangkat menjadi setiausaha Tgk.Hj. Mudawali selama lebih kurang 5 tahun. Pengangkatannya sebagai salah seorang juru tulis membuktikan dia seorang pelajar yang amanah. Ada tiga orang pelajar beliau yang dikenali sangat bijaksana dan merupakan tiga serangkai angkatan pertama lulusan Dayah Mudi Mesra, mereka adalah:

1. Allahyarham. Tgk. Ibrahim (Pimpinan. Dayah Budi Lamno)
2. Tgk. M. Kasim TB. Ketua Rabithah Lulusan Mudi Masjid Raya.
3. Tgk. Drs. Tudin yang saat ini berada di Jakarta.

Penulis melihat bahawa kebanyakan dayah tradisional yang berkembang di Aceh semasa adalah dipimpin oleh lulusan Dayah Mudi Mesra Samalanga. Untuk lebih dikenali bahawa dayah tersebut dipimpin oleh lulusan Dayah Mudi Mesra sengaja mereka menulis nama A1-Aziziyah di belakang nama dayah tersebut yang menunjukkan nama Allahyarham. Tgk. H. Abdul Aziz Spekaraeh.

Setelah beliau menderita sakit selama beberapa bulan, maka Allah S.W.T. memanggil beliau untuk kembali ke hadirat-Nya di Medan dan setelah dilaksanakan fardu kifayah oleh teman sejawat beliau Tgk. Keumala (Pimpinan Miftahussalam Medan), jenazahnya dipulangkan kembali ke Masjid Raya Samalanga serta dikebumikan disamping kubur Mertuanya Tgk. Hanafiah Abbas (Tgk. Abi). Kepergian Allahyarham. merupakan kehilangan besar bahagi ulama dan masyarakat Aceh.

#### **3.4.2. Tgk. Hj. Hasanoel Basri Gadeng**

Tgk. Hasanoel Basri adalah Lelaki dari Tgk. Gadeng dilahirkan di Krueng Geukuh Kecamatan Dewantara (sub distrik) pada tahun 1949. Seperti anak-anak lain di Aceh di samping belajar di Sekolah Rakyat (SR) pada malam harinya. Tgk. Hasanoel Basri tetap belajar mengaji *al-Qur'ān* dan belajar Agama. Setelah Hasanoel Basri menamatkan pelajarannya di Sekolah Rakyat, orang tuanya Tgk. Gadeng yang memiliki warung nasi (rumah makan) di Keude Krueng Geukuh memasukkan Hasanoel Basri ke Sekolah Pendidikan Guru Agama (SPGA) selama empat tahun, dengan harapan suatu masa nanti Tgk. Hasanoel Basri akan menjadi guru agama di kampungnya.

Setelah Tgk. Hasanoel menamatkan pendidikannya di sekolah guru Agama, justeru

orang tuanya menghantarnya untuk belajar ke Dayah Mudi Mesra yang pada waktu itu dayah tersebut sedang popular dibawah asuhan Tgk. Hj. Abdul Aziz. Spekaraeh. Tgk. Gadeng menyerahkan Tgk. Hasanoel Basri pada Tgk. M. Daud Hagu Selatan yang pada waktu itu telah menjadi guru bantu di Dayah Mudi Mesra. Atas bimbingan Tgk. M. Daud Hasanoel mulai mengenali kitab kuning klasik yang dipelajari di Dayah Salafiah. Tgk. Hasanoel Basri tidur satu bilik dengan Tgk. M. Daud dan turut membantu Tgk. M. Daud memasak dan berkerja sampingan lainnya.

Tgk. M. Daud dan Tgk. Hasanoel Basri ketika baru belajar di Kelas 6 beliau telah menjadi guru bantu, beliau mulai belajar pada Tgk. Ibrahim Bardan yang saat ini menjadi pimpinan Dayah Panton Labu. Tgk. Ibrahim adalah seorang yang berkemampuan, beliau memiliki kaedah mengajar yang cukup bagus serta memiliki kemampuan berdialog sesuai dengan teori Manthiq.

Selain itu, Tgk. Hasanoel Basri juga dapat memahami kitab kuning secara lojig kerana mendapat bimbingan dari Tgk. Ibrahim Bardan selain pendidikan yang didapati dari Abon Tgk. H. Abdul Aziz Spekaraeh, yang kemudian menjadi mertuanya. Sifat Hasanoel Basri yang *tawaddu'* serta tekun dalam belajar ditambah dengan bimbingan dari Allah (hidayah). Pada amnya para pelajar yang belajar di Dayah Mudi Mesra sekitar tahun 1970-an sudah dapat memperkirakan suatu saat kelak Hasanoel Basri akan menjadi salah seorang ulama terkemuka di Aceh. Kealiman dan kewarakan Tgk. Hasanoel Basri itulah penulis fikir yang melatarbelakangi Tgk. Abon mengambilnya sebagai menantu, kerana diharapkan suatu masa nanti boleh menjadi pimpinan Dayah Mudi Mesra.

Tgk. Hasanoel Basri Gadeng adalah seorang yang berfikiran Moden walaupun

pendidikannya didapati dari dayah tradisional, beliau sering mengajar pelajar yang berasal dari luar Aceh menggunakan bahasa Indonesia, cara bicaranya dilengkapi oleh hujah. Keahliannya dalam berkomunikasi menjadikan beliau disenangi dan dicintai oleh para pelajar dan guru-gurunya. Tgk. Hasanoel Basri mengajarkan cara membaca kitab *Mughni Al-Muhtaj*. Salah satu keistimewaannya adalah beliau lebih banyak diam dari berbicara yang tidak perlu.

Setelah Tgk. H. Abdul Aziz Spekaraeh pulang ke rahmatullah, seluruh lulusan Dayah Mudi Mesra sepakat untuk melantik Tgk. H. Hasanoel Basri Gadeng sebagai pimpinan Dayah Mudi Mesra. Pilihan para lulusan kepada Tgk. Hasanoel Basri sebagai pimpinan Dayah Mudi Mesra adalah pilihan yang tepat. Dengan wafatnya Tgk. H. Abdul Aziz (Abon) secara seponatan lahirlah suatu Ikatan Lulusan Mudi Mesra yang diberi nama dengan Rabithah Lulusan Dayah Mudi Mesra yang diketuai oleh lulusan tertua iaitu: Tgk. M. Kasim TB. dengan setiausahanya Drs. Tgk. H. Razali Mhd. Syam yang juga Pengarah Departemen Agama Kabupaten (distrik) Aceh Utara dan juga Ketua Majlis Ulama Kabupaten (distrik) Aceh Utara.

Aktiviti Rabithah Lulusan Dayah Mudi Mesra setiap tahun mengadakan *Mubāhasah Masā'il Fiqiyah* disamping mengadakan seminar untuk membicarakan status hukum, masalah-masalah agama dan peranan Dayah Mudi Mesra dalam menghadapi era globalisasi. Tgk. Hasanoel Basri dalam memimpin Dayah Mudi Mesra perlu menjadi teladan bahagi pimpinan dayah Salafiyah lainnya. Doa para lulusan baik yang berada di Aceh mahupun di luar Aceh tetap mendampingi perjuangan pimpinan Dayah Mudi Mesra dan Rabithah Lulusannya dalam mengabdikan diri di tengah-tengah masyarakat.

### 3. 5. Sistem Pendidikan Dayah Mudi Mesra

Dayah merupakan institusi pendidikan Islam, dakwah dan pengabdian masyarakat yang tertua di Indonesia.<sup>30</sup> Dayah di iktiraf sebagai suatu tempat yang tetap bertahan di tengah-tengah masyarakat. Pekara ini terbukti dayah saat ini merupakan institusi pendidikan yang memiliki akar sejarah yang khas. Kewujudannya masih menunjukkan keaslian, memiliki khas tentang kemandiriannya walaupun usianya sudah hampir seumur dengan masuknya agama dan proses pengislaman di negeri ini.<sup>31</sup>

Kehadiran dayah sehingga semasa masih menjadi kebanggaan tersendiri bahagi umat Islam. Pada awal kewujudannya, dayah pada amnya sangat sederhana, ia cuma menyiapkan pelajar untuk mendalami ilmu pengetahuan agama (*tafaqquh fi al-dīn*). Sistem yang lazim digunakan dalam proses pembelajaran di semenanjung tanah Melayu ternyata lebih kurang sama bahagi semua tempat sama ada dari segi kaedah pengajaran mahupun susunan pentadbiran.<sup>32</sup> Untuk mencapai tujuan di atas, para pelajar dibekalkan dengan nilai-nilai keislaman yang disepadukan dengan keterampilan. Pembekalan ilmu dan keterampilan dapat ditempuh dengan mempelajari tradisi ilmu pengetahuan agama dan penggalian dari teknologi keterampilan am, kerana tradisi keilmuan dan tamadun Islam sangat kaya. Sebagaimana yang diungkapkan oleh Imam Syafei, bahawasanya agama (Islam) bukan mengganti ilmu dan tamadun, bukan pula musuh ilmu dan tamaddun. Tapi Agama Islam merupakan bingkai ilmu dan tamaddun, begitu pula sebagai metode

---

<sup>30</sup> Ibrahim, Ahmad, Sharon Siddiqi dan Yasmin Husaini (1990), *Islam di Asia Tenggara: Perkembangan Kontemporer*, Jakarta: Institusi Penelitian, Pendidikan dan Penerangan Ekonomi-Sosial, LP3ES, h. 137.

<sup>31</sup> Abdullah, M. Amin (2005), *Pendidikan Agama era Multikultural Multireligius*, Jakarta: PSAP Muhammadiyah, h. 140.

<sup>32</sup> Imaduddin Abdul Rahim (8 Desember 1990), "Tauhid", Laporan Utama, *Majalah Tempo*, h. 28.

ilmu dan tamadun yang memberi undang-undang bahagi segala masalah kehidupan".<sup>33</sup>

Peranan dan fungsi dayah sebagai institusi pendidikan yang *rāsikh fī al-dīn* (ahli dalam pengetahuan agama) terutama yang berkaitan dengan pengajaran praktis (*fiqh*) semakin diperlukan. Pekara ini disebabkan antara lain adanya cabaran modenisasi, globalisasi dan informasi yang berakibat pada pergeseran arah hidup masyarakat. Minat masyarakat untuk mempelajari ilmu-ilmu agama semakin meningkat.<sup>34</sup> Karel A. Steen Brink menyatakan bahawa dayah adalah institusi bahagi latihan teologi peringkat tinggi yang terdiri dari beberapa bangunan, walaupun tidak di bangun terpisah dari suatu daerah, tetapi paling tidak berada pada bahagian yang terpisah dari kawasan penduduk amnya.<sup>35</sup>

Lembaga pendidikan Islam berawal di masjid, fungsi masjid pada masa itu bukan sahaja sebagai tempat melaksanakan solat jumaat, tetapi juga berfungsi sebagai tempat untuk mempelajari ilmu pengetahuan. Dalam hal ini, kerana masjid sangat terhat luasnya, sedangkan penuntut semakin bertambah ramai, maka di buatlah tempat khusus yang tempatnya berhubungan dengan masjid yang dinamakan dengan tempat belajar ilmu agama. Pendidikan ini di Aceh di kenali dengan dayah.

Dalam istilah am, dayah sering kali disamakan dengan bahasa Arab: *al-Fundūq*, yang bererti tempat bermalam atau penginapan. Namun dalam penggunaan kedua istilah

---

<sup>33</sup> Imam Safei (1999 – 2000), "Kontribusi Pondok Pesantren dalam Pemberdayaan Sosio – Ekonomi" (Kasus Pondok Pesantren Al-Amin Lampung Tengah), Lampung: Laporan Institusi Penelitian Universitas, h. 74.

<sup>34</sup> Imam Safei (1999 – 2000), *op.cit.*, h. 121.

<sup>35</sup> Karel A. Steen Brink (1986), *Pondok Madrasah, sekolah, Pendidikan Islam dalam kurun Modernisasi*, Jakarta: LP3 ES, h. 86.

ini dayah sering kali diertikan sebagai suatu tempat pendidikan yang mengandung beberapa unsur iaitu teungku, pelajar, masjid, dayah, asrama dan pengajian kitab klasik<sup>36</sup>.

Untuk lebih jelasnya, pada bahagian ini akan menjelaskan secara terperinci unsur-unsur dayah yang merupakan elemen-elemen penting dan yang saling berkaitan antara satu dengan yang lain dalam sistem pendidikan dayah antara lain:

### **3.5.1. Teungku**

Dalam bahasa Aceh teungku adalah gelaran kehormatan yang diberikan kepada seseorang yang mengerti atau faham tentang masalah agama.<sup>37</sup> Dalam pendirian, pertumbuhan, perkembangan dan mengurus sebuah dayah merupakan unsur yang paling utama. Sebagai pemimpin dayah, watak dan keberhasilan dayah banyak bergantung pada keahlian dan kedalaman ilmu, karisma dan wibawa serta kemahiran teungku. Dalam konteks ini, peribadi teungku sangat menentukan, kerana beliau adalah tokoh sentral dalam dayah.<sup>38</sup> Istilah teungku bukan berasal dari bahasa Arab, melainkan berasal dari bahasa Aceh.<sup>39</sup>

Sebagai seseorang teungku diukur kemampuannya berdasarkan pengetahuan yang dipelajarinya. Semakin memahami banyak kitab, maka beliau semakin dikagumi, dan pada akhirnya terkenal atau tidaknya suatu dayah sangatlah bergantung pada popularitinya. Kerana itulah teungku merupakan elemen penting yang paling esensial

---

<sup>36</sup> M. Dawam Rahardjo (1985), *Pergulatan Dunia Pondok: Membangun dari bawah*, Jakarta: T.T.P. h. 77.

<sup>37</sup> Hakim Nyak Pha (2000), *Adat dan Budaya Aceh*, Banda Aceh: Balai Kajian Sejarah dan Nilai tradisional, h. 6.

<sup>38</sup> Drs. Hasbullah (1999), *Sejarah Pendidikan Islam di Indonesia: Lintasan Sejarah Pertumbuhan dan Perkembangan*, Jakarta: PT Raja Grafindo Persada, h. 144.

<sup>39</sup> Ziemek, Manfred (1986), *Pesantren Dalam Perubahan Sosial*, Jakarta: T.T.P. h. 13.



dalam sistem pendidikan dayah.

### 3.5.2. Masjid

Masjid merupakan unsur utama yang menentukan perkembangan dayah adalah masjid. Menurut Sidi Gazalba bahawa pengajian *al-Qur'ān* dan *al-hadith* pada asas dilakukan di masjid. Pada awalnya dilakukan seorang guru kepada orang-orang yang ingin belajar membaca, menghafal dan menterjemahkan *al-Qur'ān*. Hal ini dilakukan oleh muballiḡ dan juru dakwah. Bahagi mereka dibuat suffa iatu tempat tinggal yang terletak di utara masjid. Setelah tamat pengajian mereka meninggalkan masjid dan melakukan dakwah ke negeri-negeri lain. Inilah yang difahamkan sekarang dengan asrama atau bilik.<sup>40</sup>

Masjid bahagi sistem pendidikan dayah merupakan tempat utama bahagi melaksanakan aktiviti. Kerana itu seseorang teungku yang akan membangun dayah lazimnya bermula dengan mendirikan masjid lebih dahulu sebagai awal mula aktivitinya. Masjid sebagai bangunan utama dayah merupakan tempat untuk beribadah lima waktu, tempat memberi pelajaran serta pendidikan mental para pelajar. Kerana itu masjid dalam dayah merupakan lambang universiti pendidikan Islam.

Masjid pula merupakan elemen yang utama, kerana ianya merupakan hasil daripada konsep yang luhur sebagai pelajaran kepada manusia yang bersifat duniawi, kecil dan fana, dengan Allah sebagai substansi yang besar. Itulah sebabnya masjid sebagai pusat pendidikan dayah merupakan perwujudan universalisme yang bersifat tradisi,

---

<sup>40</sup> Sidi Gazalba (1989), *Masjid Pusat Ibadah Dan Pusat Kebudayaan Islam*, Jakarta: Pustaka Al-Husna, h. 118.

sebagai hasil pandangan falsafah Islam, berdasarkan kesejarahan yang bernilai tetap.

Hubungkait pendidikan Islam dan masjid sangat erat dalam tradisi Islam di seluruh dunia. Dahulu kaum muslimin selalu memanfaatkan masjid untuk tempat beribadah dan juga sebagai tempat insitusi pendidikan Islam. Sebagai pusat kehidupan rohani, sosial politik dan pendidikan Islam, masjid merupakan aspek kehidupan sehari-hari yang sangat penting bahagi masyarakat. Dalam perspektif dayah, masjid dianggap sebagai tempat yang paling tepat untuk mendidik para pelajar, terutama dalam aktiviti solat lima waktu, khutbah, solat Jumaat, dan pengajaran kitab-kitab Islam klasik.<sup>41</sup>

### **3.5.3. Pelajar**

Pelajar dalam pemahaman dayah adalah orang-orang yang belajar dan tinggal dalam lingkungan dayah dengan tinggal di tempat yang di sebut dengan asrama (*pundūq*) atau bilik.<sup>42</sup> Pelajar yang tinggal di dayah, mesti menyerahkan diri kepada teungku, perkara tersebut merupakan suatu persyaratan mutlak untuk membolehkan dirinya menjadi anak didik teungku dalam erti yang sebenarnya. Dan pelajar mesti memperolehi kerelaan teungku dengan mengikut semua keinginan dan melakukan segala aktiviti sesuai dengan kehendak dan tunjuk ajar daripada teungku. Kerelaan teungku itu disebut berkah, menjadi alasan tempat berpijak pelajar dalam menuntut ilmu. Dengan demikian, status pelajar di dayah merupakan sarana untuk menciptakan ketundukan kepada nilai yang berlaku di dayah.

Pelajar merupakan unsur yang penting dalam memperkembangkan sebuah dayah,

---

<sup>41</sup> Dhofier (1985), *op. cit.*, h. 49.

<sup>42</sup> Hakim Nyak Pha (2000), *op.cit.*, h. 45.

kerana langkah tahapan berikut dalam membangun dayah adalah mesti ada pelajar yang datang untuk belajar. Kalau pelajar itu sudah tamat pengajian setelah melalui pelbagai peringkat dari pengajian di dayah, memperolehi ilmu agama yang luas dalam pengajian di dayah, lazimnya para lulusan kembali ke kampung masing-masing untuk membangun dayah dengan fasiliti yang sangat sederhana pada awalnya yang di sokong oleh masyarakat tempatan.

Pelajar secara amnya terdiri daripada dua golongan iaitu pelajar kalong dan pelajar mukim. Pelajar kalong merupakan bahagian pelajar yang tidak menetap dalam dayah tetapi pulang ke rumah masing-masing sesudah selesai mengikuti suatu pelajaran di dayah. Pelajar kalong biasanya berasal dari lingkungan dayah jadi tidak menjadi masalah kalau sering pulang balik. Sedangkan pelajar mukim ialah lelaki atau perempuan yang menetap dalam dayah dan biasanya berasal dari daerah jauh. Bahagi pelajar, kesempatan untuk tinggal di dayah yang jauh merupakan suatu keistimewaan bahagi mewujudkan cita-cita, memiliki keberanian yang cukup dan menghadapi cabaran sama ada di dalam dayah mahupun di luar dayah.<sup>43</sup>

#### **3.5.4. Dayah**

Pentakrifan istilah dayah adalah tempat sederhana yang merupakan tempat tinggal teungku bersama para pelajarnya.<sup>44</sup> Di Aceh, besarnya dayah tergantung pada jumlah pelajarnya. Adanya dayah yang sangat kecil dengan jumlah lebih kurang dari 100 pelajar, ada pula dayah yang memiliki tanah yang luas dengan jumlah pelajar mencapai lebih kurang dari 3000 pelajar. Tempat tinggal lelaki dipisahkan daripada tempat tinggal perempuan yang agak berjauhan.

---

<sup>43</sup> Dhofier (1985), *Ibid.*, h. 52

<sup>44</sup> Hasbullah (1999), *op.cit.*, h.142.

Dayah memiliki gedung-gedung selain daripada asrama pelajar dan rumah teungku, termasuk perumahan guru, sekolah, lapangan sukan, kantin, koperasi, kawasan pertanian dan lahan pertenakan. Kadang-kadang bangunan dayah didirikan sendiri oleh teungku dan di bantu oleh penduduk kampung tempatan dengan bekerjasama untuk mengumpulkan dana yang diperlukan.

Salah satu tujuan didirikan dayah selain sebagai tempat asrama para pelajar adalah tempat latihan bahagi pelajar untuk memperkembangkan kemahiran kemandiriannya agar mereka boleh hidup secara berdikari (bersendirian) dalam masyarakat sesudah tamat dari pada dayah. Pelajar harus memasak sendiri, mencuci pakaian sendiri dan diberi tugas seperti memelihara lingkungan dayah. Sistem asrama ini merupakan ciri khas tradisi dayah yang membezakan sistem pendidikan dayah dengan sistem pendidikan Islam lain seperti sistem pendidikan di daerah Minangkabau yang di sebut surau atau sistem yang digunakan di Afghanistan.<sup>45</sup>

### **3.5.5. Asrama**

Asrama adalah tempat tinggal para pelajar yang kelihatan semacam bilik yang didalamnya dipisah oleh bilik-bilik sebagai tempat tinggal para pelajar. Ada beberapa alasan mengapa dayah harus menyediakan asrama sebagai tempat tinggal pelajar: pertama; untuk menarik minat para pelajar yang datang dari daerah yang jauh dari dayah supaya ada tempat tinggal bahagi mereka. Kedua; amnya dayah berada di tempat yang jauh dari bandar. Ketiga; untuk mewujudkan sikap timbal balik antara teungku dengan pelajar. Dayah ini lazimnya terletak dilingkungan tempat tinggal teungku. Asrama lazimnya dibangun bersamaan dengan bangunan dayah, ketika dayah itu sudah ramai peminat, maka asrama juga di tambah

---

<sup>45</sup> Dhofier (1985), *op.cit.*, h. 45.

jumlahnya yang lazimnya di buat oleh pelajar dan di bantu oleh masyarakat sekitar.

Bangunan berciri khas bentuk dayah berbeza dengan bangunan tempat pendidikan Islam yang lain. Pada amnya pelajar yang tinggal di asrama adalah pelajar yang datang dari jauh dari pada lokasi dayah iaitu dari kampung, mahupun dari daerah yang lain malahan ada yang datang dari Negara jiran, seperti Malaysia, Brunei Darussalam dan Thailand. Dalam istilah orang Aceh bahagi sesiapa belajar dan tinggal di asrama yang tersedia di dayah di sebut dengan *ureung meudagang*.<sup>46</sup>

### **3.5.6. Pengajaran Kitab-Kitab Islam Klasik**

Kitab-kitab Islam klasik dikarang oleh para ulama terdahulu, mencakupi pelbagai ilmu pengetahuan agama Islam dan bahasa Arab. Dalam kalangan dayah, kitab-kitab Islam klasik sering di sebut kitab kuning, kerana kertas edisi-edisi kitab secara amnya berwarna kuning.

Menurut Dhofier<sup>47</sup> pada masa lalu pengajaran kitab-kitab Islam klasik merupakan satu-satunya pengajaran formal yang diberikan dalam lingkungan dayah. Pada masa sekarang, majoriti dayah telah mengambil pengajaran pengetahuan am sebagai suatu bahagian yang dianggap penting pula dalam pendidikan dayah, sungguh pun pengajaran kitab-kitab Islam klasik masih tetap diajar menjadi prioriti yang lebih utama. Pada amnya pelajaran bermula dengan kitab-kitab yang sederhana, kemudian dilanjutkan dengan kitab-kitab yang lebih mendalam dan peringkat suatu dayah

---

<sup>46</sup> *Ureung Meudagang* adalah orang yang datang untuk belajar di dayah dan tinggal di Asrama dayah dan ini merupakan cara hidup para pelajar iaitu mereka meninggalkan kampung halaman dan pergi merantau bagi mendapatkan ilmu agama di dayah. Mereka tinggal di bilik-bilik kecil yang sudah di bangun dalam lokasi dayah tersebut, di sinilah mereka mulai hidup berdikari dengan mengurus diri mereka sendiri, membasuh pakaian sendiri, dan lainnya. Dalam terminologi orang Aceh disebut *ureung meudagang*. Lihat Prof. Ibrahim Husen (1983), *Persepsi Kalangan Dayah Terhadap Pendidikan Tinggi di Aceh*, Banda Aceh: IAIN-Ar-Raniry, h. 51.

<sup>47</sup> *Ibid.*, h. 50.

boleh diketahui dari jenis kitab-kitab yang diajarkan.<sup>48</sup> Adapun kitab Islam klasik yang di ajarkan di Dayah Mudi mesra adalah sebagai yang tersebut dalam jadual berikut:

No	Nama Kitab	Darjah
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8.	<i>Matan Sanusi</i> <i>Mulakhas al-Mufid fi al-'Ilmi al-Tajwid</i> <i>Aqidah</i> <i>Kifayatul Ghulam</i> <i>Safinatunnaja</i> <i>Dhammon</i> <i>Awamel</i> <i>Matan Taqreb</i>	Tajhizi
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7.	<i>Taisir Akhlaq</i> <i>Ianathuthalibin-1</i> <i>Mutammimah (kawakib)</i> <i>Muhimmatul 'Ulum</i> <i>Al-Jarumiyyah</i> <i>Matan Bina</i> <i>Al-Bajuri</i>	Darjah Satu
1. 2. 3. 4.	<i>Ianathuthalibin-2</i> <i>Kailani</i> <i>Matan Jauharah</i> <i>Ta'lim Muta'alim</i>	Darjah Dua
1. 2. 3. 4. 5.	<i>Matan Sulam</i> <i>Kifayatul Awam</i> <i>Daqaiqul Akhbar</i> <i>Nufhat</i> <i>Ianatuthalibin-3</i>	Darjah Tiga
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7.	<i>Bayan (Ahmad Shawi)</i> <i>Tangih</i> <i>Samsul Madkhal</i> <i>Idhahul Mubham</i> <i>Hud Hudi</i> <i>Shehk Khalid</i> <i>I'anat al-Tālibīn-4</i>	Darjah Empat

<sup>48</sup> Hasbullah (1999), *op.cit.*, h. 144.

1. 2. 3. 4. 5. 6. 7.	<i>Tafsir Jalalain</i> <i>Jauhar Maknun</i> <i>Sabban Malawi</i> <i>Lataiful Isyarah</i> <i>Alfiyah</i> <i>Ummul Barahin</i> <i>Mahalli 1-2</i>	Darjah Lima
1. 2. 3. 4. 5.	<i>Ghayah Ushul</i> <i>Ummul Barahin</i> <i>Sabban</i> <i>Sirajuthalibin</i> <i>Mahallil 3-4</i>	Darjah Enam
1. 2. 3.	<i>Tuhfatul Muhtaj</i> <i>Mutalah Hadist</i> <i>Baiquni</i>	Darjah Tujuh

Kitab-kitab klasik merupakan rujukan utama dalam pendidikan dayah. Semua jenis kitab ini dapat digolongkan mengikut peringkatnya. Kitab yang diajarkan di pesantren di Jawa pada amnya sama.<sup>49</sup> Kitab-kitab ini ditulis dengan huruf Arab tanpa harakat (gundul) atau sering di sebut kitab kuning. Sesebuah pendidikan dayah lazimnya mengajarkan *Nahwu Sharf*, *Fiqh dan Ushul Fiqh*, *Uşuluddin*, *Tasawuf* serta *Tafsir*. Kitab-kitab yang berkaitan dengan pelajaran itu di Jawa dan Madura pada amnya sama, kerana para teungku pada amnya mempunyai sumber ilmu dan rujukan kitab yang sama, sama ada kerana kesamaan tempat belajar seperti Mekah sebagai pusat belajar ilmu-ilmu keagamaan atau berdasarkan tradisi belajar di dayah.

Kitab klasik diajarkan oleh teungku kepada pelajar dengan menggunakan kaedah sorogan atau bandongan. Kaedah sorongan (mengajukan kedepan) dapat diterangkan sebagai berikut. Jika seorang pelajar ingin belajar kitab keagamaan maka ia akan

---

<sup>49</sup> Dhofier (1985)., *op.cit.* h. 51.

memberikan kitab kepada teungku dengan cara membacakan kitab di hadapan teungku. Kemudian teungku menerangkan pelajaran kepada pelajar itu dari kitab-kitab yang dibacakan satu persatu kepada teungku, sistem ini digunakan pada peringkat pertama di dayah. Dalam sistem sorongan teungku memperhatikan secara lebih aktif kemajuan belajar para pelajarnya. Jika pelajaran yang lama belum difahami, maka teungku tidak akan membacakan pelajaran yang baru.

Metode lain di sebut weton, yakni belajar sambil duduk bersama-sama dalam suatu pusingan mengelilingi teungku, dengan perhatian yang penuh kepada kitab mereka selama teungku memberikan pelajaran. Para pelajar kemudian memberi tanda pada kitab mereka sebagai tanda mengenai pelajaran yang sudah diterangkan oleh teungku. Dalam sistem weton teungku tidak bertanya kepada para pelajar sama ada mereka sudah faham atau belum. Setiap kali beliau memulakan pelajaran baru, para pelajar tidak diizinkan bertanya langsung kepada teungku, tetapi mereka bertanya kepada para pembantu teungku. Dengan kaedah belajar seperti ini, hanya sedikit sahaja pelajar, mungkin hanya satu orang sahaja dari sekian ramai pelajar yang dapat menjadi generasi-pengganti dari teungku.

Sistem pendidikan dayah di Aceh khasnya di Dayah Mudi Mesra dilaksanakan dalam empat peringkat iaitu, surau (*meunasah*), balai pengajian (*rangkang*), dayah dan peringkat dayah tinggi (*dayah manyang*). Pada peringkat madrasah (*meunasah*) diajarkan ilmu baca tulis *al-Qur'ān*. Pada peringkat rangkang diajarkan kitab Arab-Melayu (*Jawoe*). Kemudian pada peringkat dayah diajarkan kajian yang lebih mendalam tentang kitab-kitab Islam (di Aceh dikenali dengan kitab kuning).

Adapun peringkat tertinggi adalah dayah tinggi (*dayah manyang*), dengan sistem



pengajaran setaraf dengan perguruan tinggi yang dibahagikan kepada beberapa fakulti (*dār*). Model pendidikan tradisional seperti ini hingga sekarang masih bertahan sesuai dengan tradisi dan fungsinya. Secara turun temurun, sungguh pun sejumlah dayah sudah mula memasukkan unsur moden ke dalam kurikulum pengajarannya seperti pelajaran komputer manakala model salafiyah dengan sistem pengajaran sorogan (satu arah, pelajar mengikuti guru) tetap dominan.

Dengan sistem tersebut, para pengajar lazimnya membacakan dan mengertikan kitab-kitab berbahasa Arab yang di sebut kitab kuning. Kemudian pelajar menyemak dan menuliskannya dalam buku nota atau kitab mereka sendiri. Beberapa pelajaran harus di hafal, terutama kitab-kitab yang berkaitan dengan ilmu alat, seperti ilmu *nahwu* dan *saraf* yang merupakan ilmu tata bahasa Arab. Dengan kesederhanaan dan jauh dari kesan pendidikan kapitalistik, dayah di Aceh selama berabad-abad mampu bertahan menjadi penjaga tradisi keilmuan masyarakat.

Sesudah pelajar lulus dan diberikan sijil dari kelas tujuh dari dayah ini, maka para lulusan baru diharuskan tinggal satu tahun lagi di dayah dan membantu mendidik pelajar kelas bawah. Pada amnya para lulusan baru senang menerima sistem tersebut, kerana ia memberi mereka kesempatan untuk menjadi pengajar kerana boleh meberikan ilmunya kepada pelajar baru.

### **3.5.7. Program Tambahan**

Program aktiviti dan pelajaran tambahan merupakan bahagian penting sekali bahagi setiap peringkat dalam pendidikan di Dayah Mudi Mesra kerana tujuan Dayah Mudi Mesra adalah untuk membentuk umat Islam yang beriman, mampu menghadapi cabaran di masa hadapan. Melalui program tambahan tersebut, para pelajar dapat

memperluas pengetahuan dan kemahirannya sesuai dengan keperluannya untuk tinggal di dalam masyarakat.

Selain daripada peranannya sebagai bahagian pelajaran yang memperluas pengetahuan dan kemahiran para pelajar, program tambahan ini juga merupakan aktiviti yang menyenangkan dan mudah. Aktiviti semacam ini penting sekali dalam perkembangan mental dan fisik pelajar. Memang sudah banyak penelitian mengenai cara belajar dengan baik dan ternyata tidak cukup bahagi para pelajar kalau hanya diberikan pelajaran di dalam ruang kelas dengan buku-buku, tetapi juga diperlukan adalah pelajaran yang boleh didapati dari pengalamannya sendiri dan daripada aktiviti yang menuntut keterlibatan aktif.

Ada macam-macam aktiviti tambahan yang diikuti oleh para pelajar di Dayah Mudi Mesra antaranya yang paling popular adalah *pengakap* iaitu para pelajar memperoleh kesempatan untuk mengikuti khemah yang diadakan di luar dayah misalnya di pantai, pegunungan. Para pelajar mengikuti aktiviti berkhemah tersebut selama beberapa hari dalam setahun sekali dan aktiviti-aktivitinya disiapkan oleh para guru pengajar. Ada pula aktiviti *pengakap* yang bernama *wade games*. Aktiviti ini termasuk bermacam-macam perlumbaan sukan dan kemahiran yang dimainkan selama seharian dan diminati para pelajar. Selain *pengakap*, aktiviti tambahan termasuk pelajaran kemahiran iaitu para pelajar diajarkan pelbagai macam kemahiran praktis misalnya; memasak, menjahit, menghias, menyulam, bordir dan membuat hiasan-hiasan seperti kaligrafi tulisan Arab, merangkai bunga. Dari pelajaran tambahan tersebut, para pelajar mendapati kemahiran yang bermanfaat bahagi mereka untuk kehidupannya dalam masyarakat. Ada juga pelajaran *khutbatul al-mimbariah* (berpidato), di mana pelajar dapat menubuhkan perasaan percaya dirinya

kerana harus berani berdiri di hadapan orang ramai, meskipun kadang-kadang ia merupakan pengalaman yang menakutkan bahagi mereka.

#### **4. 6. Sambutan Masyarakat Terhadap Dayah Mudi Mesra**

Sambutan masyarakat di Aceh khasnya, terutama di pendalaman masih memberikan kepercayaan untuk memilih dayah sebagai pendidikan anak-anak mereka, mungkin karena menurut mereka bahwa sistem pendidikan agama sebagaimana yang diajarkan di dayah dapat menjamin anak-anak mereka dalam memahami ilmu agama secara baik dibandingkan dengan sekolah yang diiktiraf oleh kerajaan. Di samping dari pada itu, masyarakat sangat senang terhadap kewujudan dayah, kerana dayah juga menjadi institusi pengkaderan ulama sebagai tempat rujukan masyarakat ke tiga ada masalah yang berhungan dengan agama. Teungku di dayah selain mengajar para pelajar juga melayani masyarakat yang ingin mendapat fatwa-fatwa beliau. Aktiviti dayah mencakupi pendidikan, sosial, dakwah dan persoalan masyarakat lainnya. Dari sekian banyak aktiviti, pendidikan agama lebih popular berbanding aktiviti lainnya.

Melalui aktiviti pendidikan dan dakwah dayah mendekati masyarakat dan ramai generasi muda Aceh yang belajar di dayah. Walaupun pada awal pertubuhannya Dayah Mudi Mesra yang belajar hanya masyarakat daripada jiran sahaja, akan tetapi setelah dayah tersebut dipimpin oleh Tgk. Hj. Abdul Aziz dan sampai saat ini dipimpin oleh menantunya Tgk. Hasanoel Basri, yang datang belajar ke Dayah Mudi Mesra bukan hanya masyarakat Aceh, akan tetapi juga masyarakat Islam di luar Aceh. Ini menunjukkan bahawa masyarakat muslim respek terhadap keberadaan dayah ini.

Ajaran dan fahaman yang dikembangkan oleh dayah Mudi Mesra sesuai dengan fahaman kebanyakan masyarakat muslim Indonesia iaitu bidang fiqih bermazhab Syafi'i. Dalam bidang Aqidah mengikut fahaman *Ahlussunnah Wa al-Jama'ah* yang berorientasi pada fahaman *Ashari'ah*. Dakwah pada hari-hari besar Islam yang sudah menjadi adat resam dalam masyarakat Aceh dimanfaatkan oleh pimpinan dayah untuk mengirim mubaligh untuk menyampaikan fatwa-fatwa dan pelajaran agama Islam, dengan demikian hubungan antara dayah dengan masyarakat semakin dekat dan saling memerlukan antara satu dengan yang lainnya. Besarnya sambutan masyarakat pada Dayah Mudi Mesra disebabkan usahanya yang gigih bahagi kepentingan umat Islam, sama ada dalam bidang pendidikan, sosial dan dakwah, malahan usaha perjuangannya melawan penjajahan dan sekaligus mengamalkan *amr ma'rūf* dan *nahi munkar*. Tidak berlebihan jika dikatakan bahawa terkenallah Kecamatan Samalanga (sub distrik) justeru kerana di sana ada Dayah Mudi Mesra.

Aktiviti pengabdian Dayah Mudi Mesra kepada masyarakat cukup memberangsangkan. Aktiviti pengabdian lebih berorientasi kepada kaedah agama Islam, hampir semua para teungku dan pelajar senior menjadi khatib dan muballigh di tengah masyarakat. Perkara ini berhubungkait pada setiap perayaan hari-hari besar Islam. Ramai para teungku yang tidak dapat mengajar di dayah kerana harus menyampaikan ceramah agama sesuai tuntutan dan jemputan daripada masyarakat, sehingga akhirnya ditubuhkan Institusi Pengabdian Masyarakat (IPM) Dayah Mudi Mesra.

Pengabdian yang dilakukan oleh teungku dayah lazimnya lebih ikhlas berbanding dengan yang dilakukan oleh pensyarah (dosen) dari universiti yang erat kaitannya

untuk menaikkan kredit sebagai syarat kenaikan pangkat. Dalam kaitan turut menyokong program pembangunan nasional khasnya di daerah pendalaman dan untuk lebih mendekatkan hati masyarakat kepada Dayah Mudi Mesra sering menganjurkan lulusannya untuk lebih mengutamakan berdikari dibandingkan jadi pegawai kerajaan.

Dayah bahagi masyarakat Aceh adalah makmal dan perpustakaan untuk mendapatkan rujukan dan pedoman serta pandangan hidup yang benar. Jika kerajaan ingin berjaya dalam memperkembangkan program kerjanya, maka ulama-ulama dayah selalu dilibatkan. Tidaklah berlebihan jika dikatakan bahawa fatwa pimpinan dayah di Aceh lebih berharga bahagi masyarakat berbanding keputusan pengadilan agama, sungguh pun fatwa tersebut tidak memiliki kekuatan undang-undang dari negara. Pejabat Kerajaan (*umara'*) dengan ulama merupakan dasar utama untuk kejayaan pembangunan di Aceh. Begitu juga dengan pelajar yang turut menyumbangkan proses perubahan sosial keagamaan dalam perkembangan masyarakat.

Banyak pentakrifan yang diberikan para ahli tentang istilah pelajar, namun yang di maksud dalam kajian ini adalah orang yang sedang dan pernah belajar di dayah dengan mendalami ilmu-ilmu agama dari teungku selama berada di dayah. Dalam perjalanan sejarah golongan pelajar telah banyak membawa tamaddun Islam di mana pelajar itu berada. Peranan pelajar dalam membangun masyarakat yang taat dan sentiasa beribadah kepada Allah S.W.T. khususnya kepada masyarakat awam.

### **3.6.1. Masyarakat Awam**

Menurut Prof. Azyumardi Azra, pelajar memainkan peranan yang penting dalam

kecenderungan islamisasi atau re-islamisasi di kalangan umat Islam, telah terlihat pada terakhir-akhir ini. Proses kebangkitan Islam dirasakan dengan bertambahnya jumlah masjid dan tempat ibadah lainnya di nusantara, pertumbuhan jumlah orang yang pergi ke makkah (tanah suci) dan berdirinya organisasi-organisasi atau institusi-institusi baru Islam, seperti bank Islam dan Insuran Islam. Istilah selain dari kebangkitan Islam yang sering dipakai di Indonesia untuk menunjukkan adanya kaitan tersebut adalah para pelajar (pelajarnisasi).<sup>50</sup>

Proses pelajarnisasi tersebut bermula dari pelajar yang mengalami pengislaman semula selama pendidikannya di dayah kerana proses penerapan ajaran dan praktik-praktik Islam lebih sesuai dilingkungan sistem pendidikan dayah daripada sistem pendidikan yang lain. Selanjutnya, pelajar-pelajar membawa pulang ilmu dan pelajaran yang mereka dapati di dayah dan menyampaikan kepada keluarga dan orang tuanya. Menurut teori Azyumardi Azra,<sup>51</sup> pelajar juga mengajarkan kepada orang tua mereka yang ramai hanya mengetahui sedikit tentang Islam. Amnya orang tua merasa malu akibat tidak mengetahui mengenai ajaran dan praktik Islam tertentu. Akibatnya supaya anaknya tidak kecewa dan terus bersemangat, maka mereka walaubagaimanapun terpaksa mempelajari Islam.

Salah satu tujuan sistem pendidikan Dayah Mudi Mesra adalah mempersiapkan mereka agar bermanfaat dalam masyarakat setelah tamat belajar dari dayah. Para pelajar di ajar agar mereka memiliki kemahiran, berdikari dan memahami tugas dan peranannya menurut ajaran Islam. Seperti dimaklumkan bahawa Dayah Mudi Mesra ditubuhkan dengan tujuan mendidik dan mengajar generasi muda Islam sebagai

---

<sup>50</sup> Azyumardi Azra (2001), *op.cit.*, h. 5.

<sup>51</sup> *Ibid.*, h. 6

pelapis agar menjadi manusia yang mampu menegakkan agama Allah dan memberikan berita kepada umat Islam, mengajar dan menjadi contoh teladan.

Kaedah tersebut diamalkan di Dayah Mudi Mesra. Pada musim cuti para pelajar pulang ke kampung membawa ilmu barunya ke rumah dan tentu berbincang dengan orang tuanya, saudaranya dan temannya tentang apa yang mereka lakukan di dayah dan apa yang pernah mereka pelajari, ketika lulus pengajian dayah mereka sudah mula berperanan sebagai seorang pendakwah yang ingin menyebarkan agama Islam atau paling tidak menjadi contoh yang baik kepada masyarakat dalam hidup bermasyarakat, dengan menggunakan pakaian yang Islami, berbahasa dengan lemah lembut, sopan dan berakhlak mulia, taat dalam beribadah kepada Allah dan menghidupkan solat jamaah di surau-surau. Sekolah-sekolah pendidikan Islam tidak hanya memberi sumbangan pada ke baikan,<sup>52</sup> tetapi pendidikan Islam juga dapat memberi pelajaran kepada masyarakat. Namun, di rasa penting untuk menyebut, di sini bahawa peranan pelajar dalam proses kebangkitan Islam, tapi terhad dalam beberapa pekara, seperti keadaan politik, ekonomi, keamanan dan perkembangan agama Islam.

### **3.6.2. Masyarakat Tempatan**

Di atas penulis sudah mengatakan bahawa peranan pelajar dalam masyarakat adalah sebagai salah satu bahagian yang mempengaruhi proses kebangkitan Islam di Aceh, kerana mereka berjaya mendapatkan ilmu di dayah untuk menyampaikan kepada masyarakat. Sekarang, secara lebih khas lagi, penulis akan menyampaikan hasil kajian penulis mengenai peranan pelajar dayah terhadap masyarakat tempatan.

---

<sup>52</sup> *Ibid.*, h.7.

Pada amnya, hubungan di antara pelajar Dayah Mudi Mesra dan masyarakat yang tinggal di persekitaran dayah sangat baik. Selain dari jiran-jiran yang bersaudara dengan keluarga teungku para pelajar yang mengajar di dayah juga membuka usaha-usaha seperti kedai runcit di persekitaran dayah. Sehingga sering terjadi hubungan di antara para pelajar dan masyarakat tempatan. Pada amnya, para pelajar jarang ke luar kecuali di persekitaran dayah, tetapi para teungku sering mengelilingi kampung untuk menyampaikan ceramah-ceramah dari rumah ke rumah untuk memberikan dakwah kepada masyarkat.